



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
PANDUAN MENGISI BORANG KWSP 3 (DAFTAR)
PENDAFTARAN AHLI

1. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti panduan ini sebelum mengisi borang.
2. Borang ini hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM** dan ditulis menggunakan **HURUF BESAR**.
3. Berikut adalah panduan bagi bahagian-bahagian utama di dalam borang permohonan KWSP 3 (DAFTAR) iaitu :-

(A) MAKLUMAT AHLI


Lengkapkan dengan maklumat sebagaimana di dalam MyKad atau dokumen pengenalan diri lain pemohon iaitu Nama, Nombor MyKad, Nombor Polis / Tentera / Pasport, Tarikh Lahir, Jantina, Agama, Bangsa, Taraf Penduduk dan Kewarganegaraan (jika berkaitan).

(B) MAKLUMAT KOMUNIKASI TERKINI AHLI


Lengkapkan maklumat komunikasi terkini pemohon iaitu Alamat Surat-Menyurat, Alamat Tetap, Nombor Telefon Rumah, Pejabat dan Telefon Bimbit, E-mel, Saluran Komunikasi dan Nombor Telefon TAC (Transaction Authorisation Code). Maklumat No. Telefon TAC hanya dilengkapkan sekiranya permohonan dibuat oleh ahli sendiri melalui serahan kaunter.

(C) PENGESAHAN AHLI

Pemohon dikehendaki melengkapkan tarikh permohonan serta cap ibu jari kanan dan kiri. Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan terang dan jelas dengan menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah :-



4. Semua salinan dokumen sokongan hendaklah dibuat dalam kertas saiz A4. Bagi salinan MyKad/Kad Kuasa Polis atau Tentera/Pasport, ia PERLU dibuat kedua-dua bahagiannya (depan & belakang) di atas sekeping kertas saiz A4 pada muka surat yang sama seperti contoh di bawah :-



5. Pastikan dokumen yang disertakan bersama-sama dengan borang permohonan diklipkan dan tidak menggunakan pengokot (*stapler*). Untuk pendaftaran ahli bukan warganegara, dokumen sokongan perlu disahkan oleh majikan/pihak yang dibenarkan oleh KWSP. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan mengikut jenis permohonan adalah seperti berikut :-

Bil	Dokumen	Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara
i	Borang Permohonan KWSP 3 (Daftar)	✓	✓
ii	Salinan MyKad/Kad Kuasa Polis/Tentera atau Surat Pengesahan Kad Pengenalan Awam	✓	
iii	KWSP 16B – bagi pemohon bukan warganegara Malaysia		✓
iv	Salinan Pasport dan permit kerja yang masih sah tempoh laku yang disahkan oleh majikan/pihak yang dibenarkan oleh KWSP.		✓